

24 APR 1982

Mandat amanah rakyat

KEJAYAAN besar Barisan Nasional dalam pilihanraya kelmarin membuktikan rakyat memberi kepercayaan bulat kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam.

Keyakinan rakyat ini yang memberi majoriti lebih duapertiga kepada Barisan Nasional tanpa Sabah dan Sarawak, menandakan dengan jelas penduduk negara ini memerlukan kerajaan yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Dari keputusan pilihanraya ini, ternyata rakyat membuat pilihan bahawa Barisan Nasional yang dapat menunaikan janjinya yang menawarkan kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah kepada rakyat.

Rakyat telah memberi mandat baru dan kepercayaan teguh kepada pimpinan Mahathir-Musa.

Ini tentulah memudahkan kerajaan berusaha dengan lebih giat membawa banyak lagi perubahan dan kemajuan, pembangunan serta kesejahteraan yang berkesan kepada cogankata kerja, cekap, bersih dan amanah.

Kejayaan cemerlang ini diharapkan mendorong kerajaan merancang dan melaksanakan rancangan-rancangan mereka lebih teratur dan membawa rakyat kita semua ke arah Malaysia yang lebih teguh dan bersatupadu, harmoni dan sejahtera.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia